| PP | KJ | KK | JUM |
|---|---|---|---|
| - | - | 1 | 1 |

**No. Kad Pengenalan: ____________________**

# PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

## PENOLONG PEGAWAI SAINS C29
## KERTAS II

## (PEJABAT PENGARAH KAMPUS)

**Tarikh : 31 Oktober 2019 (Khamis)**

**Masa : 9.00 pagi – 11.30 pagi (2 ½ jam)**

**Tempat : Kampus Kesihatan**

---

## ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi **DUA (2)** bahagian seperti berikut:

**Bahagian A :** **DUA (2)** soalan berbentuk esei disediakan. **Jawab SEMUA soalan.**

**Bahagian B:** **EMPAT (4)** soalan berbentuk esei disediakan. **Jawab DUA (2) soalan sahaja**.

Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar kertas soalan. Sila serahkan kertas soalan bersama-sama buku jawapan kepada Pengawas sebelum meninggalkan dewan.

**Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat termasuk muka hadapan.**

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEBELUM DIARAHKAN

**Bahagian A**

*Jawab **SEMUA** soalan.*

1. a) Nyatakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Universiti.

   b) Huraikan aktiviti/program KKP yang dilaksanakan oleh Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) bagi mencapai dan menjayakan Dasar KKP Universiti.

(25 markah)

2. a) Berikan takrifan *hazard*, bahaya dan risiko.

   b) Lukiskan carta aliran proses penaksiran risiko mengikut *Garis Panduan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Pengawalan Risiko, USM.*

   c) Nyatakan dan terangkan secara ringkas berkenaan hairaki pengawalan risiko.

(25 markah)

**Bahagian B**

*Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.*

3. Anda sebagai seorang Penolong Pegawai Sains UKKP adalah bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan keselamatan kebakaran di bangunan-bangunan Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengikut *Prosedur Pemeriksaan, Pengujian dan Penyelenggaraan Peralatan Pencegahan Kebakaran dan Kecemasan (PCK) Di Bangunan-Bangunan USM*. Jelaskan berhubung perkara-perkara berikut:-

   a) Kekerapan pemeriksaan yang perlu dijalankan

   b) Peraturan-peraturan khusus berhubung pemeriksaan visual, penjagaan dan kepentingan PCK berikut;

      i) Alat pemadam api mudah alih
      ii) Saluran bantu mula
      iii) Laluan/pintu keluar kecemasan
      iv) Rumah/bilik pam
      v) Sistem panel, penggera dan pengesan kebakaran

   c) Pengurusan laporan dan rekod pemeriksaan

(25 markah)

4. Terangkan bagaimanakah anda mengurus permohonan PTJ untuk melupus sisa-sisa kimia makmal dengan Syarikat Kualiti Alam Sdn. Bhd., iaitu bermula daripada penerimaan borang permohonan daripada PTJ sehingga kepada proses pembayaran?

(25 markah)

5. a) Nyatakan perbezaan antara *Prosedur Kerja Selamat* dengan *Prosedur Kerja Standard*.

b) Sediakan prosedur kerja selamat untuk diikuti oleh staf yang perlu bekerja di tempat yang tinggi (melebihi 2 meter) dengan menggunakan tangga mengikut *Garis Panduan Penyediaan Prosedur Kerja Selamat USM.*

(25 markah)

6. Berikan **DUA (2)** peraturan/prosedur Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Universiti yang nyata bagi setiap perkara-perkara berikut:-

a) Bekerja di dalam makmal/bengkel selepas waktu pejabat
b) Demonstrasi memadam kebakaran minyak dengan menggunakan alat pemadam api mudah alih.
c) Tanggungjawab UKKP berhubung Keselamatan Lif
d) Pengawasan staf yang mengendalikan haiwan kajian
e) Pemasangan pintu elektromagnetik di bangunan-bangunan PTJ
f) Penggunaan kod penyambungan elektrik
g) Perakuan Alat Lindung Diri
h) Kandungan Peti Pertolongan Cemas
i) Keselamatan Penggunaan Sianida
j) Penggunan Kebuk Wasap Jenis Asid Hidroflourik

(25 markah)

oooo0oooo